

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji pemindahan bahasa bagi elemen verbal peranti linguistik dalam wacana : kohesi dan koheren dalam dialog program televisyen (TV), pemindahan bahasa elemen parabahasa dan mengenalpasti strategi penghasilan sari kata. Ia juga mengkaji sejauhmanakah output sari kata ini mempengaruhi pemahaman penontonnya? Pendekatan semantik dan komunikatif merupakan elemen utama yang digunakan dalam kajian ini.

Kerangka analisis yang digunakan termasuklah teori wacana : peranti linguistik kohesi dan koheren, teori parabahasa, teori audiovisual, teori budaya-media dan teori penterjemahan. Analisis memusatkan kepada sari kata dalam bahasa Malaysia (BM) dan membandingkannya dengan teks sumber dalam bahasa Inggeris (BI). Domain penggunaan bahasa juga turut dianalisis. Sampel kajian ini terdiri daripada 1943 dialog yang diperolehi daripada lima program televisyen yang ditayangkan oleh NTV7 dan TV3. Kajian dibuat dalam dua peringkat. Yang pertama ialah analisis deskriptif bagi elemen verbal lexis dan elemen parabahasa. Kedua-duanya dikaji dari segi kesan mesej yang dihasilkan daripada strategi terjemahan yang digunakan. Dikaji juga sejauhmanakah dan bagaimanakah penterjemahan mempengaruhi kualiti output sari kata? Yang kedua ialah analisis untuk melihat keberkesanan tindakan penterjemahan yang mementingkan audiens sasaran. Soal selidik telah diedarkan kepada seratus sepuluh (110) responden untuk mendapatkan maklum balas tentang penerimaan dan pemahaman mereka terhadap sari kata yang terdapat dalam program televisyen yang dipilih.

Kajian mendapati bahawa pengekal dan pengguguran telah digunakan untuk menangani elemen kohesi dan koheren dalam wacana audiovisual. Padanan yang dihasilkan dalam kedua-dua elemen kelihatan mengutamakan fungsi komunikatif sesuatu item dan konteks situasi sesuatu adegan. Penerimaan koheren intratekstual

dalam situasi sasaran bergantung kepada peraturan koheren yang menggariskan bahawa mesej yang dihasilkan perlu ditafsirkan dengan sempurna agar ia berkoheren dengan situasi penerima sasaran. Hanya item parabahasa yang benar-benar memberikan kesan terhadap mesej sahaja yang diberikan sari kata dalam BM. Juga didapati pentafsiran makna item linguistik-kinesik-parabahasa dilakukan terlebih dahulu sebelum teks sumber ditangani. Walaupun peranti linguistik didapati terjejas dalam sesetengah kes, audiens sasaran berpendapat bahawa mesej keseluruhan cerita masih agak terpelihara. Pandangan ini telah dibuktikan dengan maklum balas responden yang mengakui mereka memahami dan menerima output sari kata dalam program TV. Hal ini menunjukkan output ini sebahagian besarnya berjaya mengkomunikasikan maklumat teks sumber. Secara tidak langsung, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan penyediaan sari kata sedia ada sekarang dapat diterima pakai tetapi masih boleh ditingkat kualiti outputnya melalui beberapa penambahbaikan.

Kajian juga menunjukkan bahawa terjemahan kurang, terjemahan betul, terjemahan melampau dan sedikit terjemahan salah kelihatan berlaku kepada output sari kata. Terjemahan kurang mencatatkan kecenderungan yang paling tinggi dalam penghasilan output sari kata ini. Ini timbul terutamanya daripada kegunaan kaedah keratan dan pemberian kata padanan kosong dalam kerja-kerja sari kata. Kajian turut mendapati penggunaan kaedah penghasilan sari kata ini tidak terhad kepada satu bentuk strategi sahaja, bahkan ia bergerak ulang alik sepanjang garis kontinum dari penyediaan yang formal, kurang formal, semantik, dinamik, komunikatif sehinggalah kepada strategi praktikal yang paling kurang tahap keformalannya. Kelihatan strategi penterjemahan komunikatif ialah pendekatan yang paling mendominasi proses penyediaan sari kata dalam BM.

ABSTRACT

Translation in Audio-visual Media - Television : An Analysis of Message

The thesis studies the language transfer of linguistic devices such as the verbal elements, the paralinguistic elements in a discourse and identifying the translation strategies in producing the subtitles. This thesis also studies how far the subtitle output influences the audience comprehension. The semantic, communicative and practical approaches are the main focus in this study.

The theoretical frameworks employed in this study include discourse theory : cohesion and coherence, paralinguistic theory, audiovisual theory, media theory, the theory of culture and translation theory. The thesis essentially analyses the Malay subtitles and comparing them with the English original texts. The domain of language use is also included in the analysis. The samples of study include 1943 dialogues from five television programmes transmitted through NTV7 and TV3.

The analysis is carried out in two stages. Firstly, the descriptive analysis focuses on the lexical verbal elements and the paralinguistic elements. The analysis looks into the effect of the message as a consequence of the translation strategies used. It also examines to what extent and in what manner do translation influence the quality of the output. Secondly, the analysis examines the effectiveness of translation action which focuses on the audience. A battery of questionnaires has been administered to one hundred and ten (110) respondents to get a feedback on their acceptance and comprehension of the subtitles found in the corpus being studied.

The study shows that adherence and elision have been employed in handling cohesion and coherence in audiovisual discourse. The subtitles produced for these two elements seems to emphasize on the communicative functions of the elements and the situational contexts of the scenes. The acceptance of the intratextual coherence in target situation is dependent on the coherence rules which require that any message that is produced must be interpreted well so that it coheres with the target recipients situation. Only those paralinguistic elements that may affect the message are provided with the Malay subtitles. Also, the semantic interpretation of the linguistic-kinesics-paralanguage item has been carried out before the source text is translated. Although there are cases whereby undertranslations occur in the translation of linguistic devices, the respondents' feedback shows that they understand and agree with the subtitles produced in the television programmes. This shows that the output translation has succeeded in communicating a large part of the original message of the source text.

The study also shows that undertranslation, correct translation, overtranslation and incorrect translation are found in the subtitles. Among these, undertranslation features the highest in the Malay subtitles. This stems essentially from the adoption of elision procedure and providing zero equivalence in subtitling works. The study also shows that the method adopted in producing the subtitles is not limited to any one particular strategy but rather it oscillates back and forth along the continuum of various strategies from the most formal, less formal, semantic, dynamic, communicative to the practical (*skopos*) strategy, which is the least formal. It seems that the *skopos* strategy is the most pragmatic translation strategy ahead of the other strategies in producing Malay subtitles.

